

Cara mudah berurusan menerusi internet

KOSMO 28.5.2007 MS9

KUALA LUMPUR - Jika anda ingin berurusan dengan kerajaan lakukannya menerusi E-Perolehan yang beroperasi menerusi talian internet.

Aplikasi tersebut bukan sahaja memudahkan urusan pendaftaran pembekal dan pengurusan perolehan kerajaan malah ia dianggap platform terbaik untuk meluaskan jaringan urus niaga melalui katalog produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Justeru, dengan adanya perkhidmatan tersebut, kerajaan menerusi Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dapat memastikan segala urusan pembelian barangan dilakukan secara telus.

Sementara itu, Syarikat Commerce Dot Com Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membangunkan perkhidmatan tersebut sejak Julai 1999.



Pengarah syarikat itu, Za'ba Che Ros berkata, terdapat tujuh modul utama di bawah sistem aplikasi tersebut yang dibina khusus untuk memberi kemudahan kepada pembekal dan kerajaan.

"Pengguna boleh mendaftar sebagai pembekal, pembelian secara terus, kontrak pusat, kontrak kementerian, sebut harga, tender dan E-Bidding yang membolehkan kerajaan mendapat tawaran harga kompetitif menerusi pembidaan dalam talian," katanya.

Beliau menjelaskan, aplikasi tersebut memberi banyak kelebihan kepada kerajaan dan pembekal selain proses perolehan yang efisien, efektif dan telus.

"Kerajaan boleh menilai prestasi pembekal, mengumpul statistik dan maklum balas untuk perancangan masa depan, pembekal pula dapat menerima bayaran

lebih cepat," jelasnya.

Menerusi E-Perolehan, kos operasi dapat dikurangkan dan berupaya menyediakan tenaga manusia yang lebih mahir.

"Kita yakin sistem ini boleh mengesan pesanan dan status penghantaran secara automatik dari atas talian kerana bersifat telus dan akauntabiliti," ujarnya.

Kerajaan menasaskan nilai transaksi perolehan sebanyak RM3 bilion untuk tahun ini, manakala bagi 2008 pula sebanyak RM5 bilion, 2009 (RM8 bilion), 2009 (RM10 bilion).

Pada tahun lalu, nilai transaksi menerusi E-Perolehan membabitkan nilai sebanyak RM2.02 bilion.

Sehubungan itu, seramai 121,905 pembekal yang telah berdaftar perlu memastikan status EP enable (diperbolehkan) supaya tidak terlepas peluang berurusan niaga dengan kerajaan sebelum 1 Januari 2010.